

DELEGASI ...  
UMS bersama  
Dato' Omar  
(tiga kanan)  
dan Amat  
Jutrah (dua  
kanan) di  
Seminar  
Transformasi  
Kepimpinan di  
Langkawi  
Kedah.



# Tujuh Exco Kekaumas UMS hadiri Seminar Transformasi di Langkawi

NST 1-12-13 8

LABUAN: Seramai tujuh orang Exco Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) telah menghadiri Seminar Transformasi Kepimpinan dan Penguatan Integriti di Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi, Kedah.

Delegasi UMS itu diketuai Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Haji Musnih bersama Setiausaha Pejabat Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Salmiah Tertib, Pembantu Perpustakaan, Abd Samat Lawi, Pengawal Keselamatan Kanan, Saidin Marjan, Pembantu Makmal, Sekolah Kejuruteraan Teknologi Maklumat, Julius Sokodor, Pembantu Tadbir, Jabatan Canselori, Adizah Mahsar dan Ahli Fotografi Kanan, Azri Onn Othman dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UM-

SKAL).

Amat Jutrah berkata seminar empat hari itu dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah, Mohd Rawi Abd Hamid yang mewakili Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Mukhriz Tun Mahathir.

Seramai 184 peserta dari 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menyertai seminar itu dari 24 hingga 27 November lalu yang dianjurkan Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (GAKUM).

Sementara itu, Presiden Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Universiti Malaysia (GAKUM), Dato' Haji Omar Haji Osman berkata seminar itu bertujuan memantapkan kepimpinan bagi melahirkan penjawat

awam yang mampu merealisasikan hasrat organisasi, perkhidmatan dan negara dengan penuh integriti.

Beliau yang juga Presiden Cuepac Malaysia berkata seminar yang bertemakan 'Memacu Transformasi Penjawat Awam' itu memerlukan penjawat awam lebih berdaya saing dan mengamalkan nilai-nilai integriti.

Katanya, dalam mendepani cabaran yang semakin mencabar pada masa akan datang, penjawat awam sewajarnya memberi fokus yang lebih bagi memberikan perkhidmatan cemerlang seperti mana yang diharapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@news-abahtimes.com.my)